

15 MAR 1996

PERDANA MENTERI TIBA KE SARAWAK UNTUK LAWATAN RASMI DUA HARI

KUCHING, 15 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad tiba untuk lawatan rasmi dua hari ke Sarawak pukul 9.35 pagi ini diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Mereka disambut oleh Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud, Timbalan Ketua Menteri Tan Sri Amar Alfred Jabu dan menteri-menteri kabinet negeri.

Turut hadir menyambut ketibaan beliau dan isteri ialah Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Leo Moggie.

Kira-kira 1,000 penyokong parti komponen Barisan Nasional (BN) berkumpul menyambut ketibaan Perdana Menteri dengan membawa sepanduk dan bendera lambang parti masing-masing.

Mereka terdiri daripada penyokong parti Parti Pesaka Bumiputra Bersatu (PBB), Sarawak United People's Party (Supp), Sarawak National Party (Snap) dan Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS).

Perdana Menteri disambut dengan acara penuh tradisional - tarian Bidayuh, Melanau, Melayu, India dan pelbagai kaum etnik di sini.

Beliau dijadual merasmikan Persidangan Hakim-Hakim pagi ini dan seterusnya merasmikan bangunan Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS) berharga RM55 juta petang ini sebelum berlepas ke Bintulu dan Bakun. --  
BERNAMA

RDY RON